



JOHOR BERKEMAJUAN

A photograph of Dato' Mohamed Khaled Nordin, the 2016 Menteri Besar of Johor, speaking at a wooden podium. He is wearing a dark suit, a white shirt, and a patterned tie. He has glasses and is looking slightly to his right. The podium has two microphones: one with a white cube and one with a yellow cube. The background is a large banner with text in Malay, including 'YAB MENTERI BESAR JOHOR' and 'Majlis Amanat YAB Menteri Besar Johor 2016'.

“Kerajaan Negeri Johor memperkenalkan Gagasan Johor Berkemajuan sebagai instrumen mewujudkan keseimbangan dalam pembangunan Johor yang inklusif pada masa hadapan”.

*Dato' Mohamed Khaled Nordin
sempena Majlis Amanat YAB Menteri Besar Johor 2016
4hb Februari 2016*

VISI & MISI

Melahirkan Masyarakat Terbaik

MATLAMAT JOHOR BERKEMAJUAN

1

Memajukan kehidupan **masyarakat yang berfikiran** dan **mempunyai sistem nilai yang maju, bersusila dan berakal budi.**

2

Membentuk pemikiran dan **sistem nilai** yang seiring dengan pembangunan ekonomi.

3

Mewujudkan satu **anjakan sosial** kepada **pemikiran, budaya dan sikap berkemajuan.**

4

Membina **peradaban yang unggul.**

KEPENTINGAN JOHOR BERKEMAJUAN

01

Kita Bukan Sekadar Ingin Menjadi Negara Maju, Tetapi Masyarakat Maju

Wujud perbezaan antara menjadi negara maju dan membina masyarakat maju, berdasarkan pencapaian kadar pertumbuhan ekonomi menjelang tahun 2020.

Masyarakat maju, ukurannya bukan hanya pada keterbukaan peluang pekerjaan, atau lingkaran lebuhraya yang bertingkat-tingkat, ataupun gedung membeli belah bersaiz mega. Kesemua itu hanyalah ciri luaran.

Masyarakat yang maju adalah mereka yang maju pada pemikiran dan budayanya, kerana tanpa pemikiran dan budaya yang maju, cita-cita menjadi negara maju pasti akan gagal direalisasikan.

02

Terdapat Ruang Dalam Konteks Kehidupan Yang Boleh Diubah

Sesebuah bangsa hanya akan baik jika akhlak anak bangsa yang membentuknya itu juga baik.

Budaya politik kita harus matang, demokratik dan amanah. **Pendidikan** kita mesti berorientasikan keadilan, kesaksamaan dan kecemerlangan.

Pembangunan teknologi kita mesti mengarah kepada kebaikan manusia dan bukan sebaliknya. **Kelestarian alam sekitar** mesti dipelihara secara kolektif sebagai khazanah pada generasi mendatang. **Budaya dan segala aktiviti seni** kita, mesti menjurus kepada memberikan identiti yang selayaknya pada peradaban bangsa.

Maka ia harus menjadi instrumen yang memimpin masyarakat membina keunggulan tersebut. Sehingga meletakkan bangsa sebagai suri teladan yang wajar dicontohi oleh bangsa-bangsa lain.

03

Satu Bentuk Tanggungjawab Kepada Agama Dan Bangsa

Dalam agama disaran untuk mencintai tanah air agar semua anak watan menjiwai **patriotik** sehingga digelar Hizbul Watan atau Perajurit Watan, dan diajar untuk memberikan segala yang termampu ke arah menjadikan negeri lebih baik dan maju.

Percayalah, dan sedarlah, bahawa kitalah kekuatan Johor. Jadilah penentu kemajuan Johor dan jangan biarkan halatuju dan kemajuan negeri ditentukan oleh pihak lain.

04

Instrumen Mewujudkan Keseimbangan Dalam Pembangunan Bangsa dan Tanah air

Membangun bangsa dan tanah air memerlukan **keseimbangan antara kemakmuran material, kesejahteraan sosial dan kekuatan keperibadian bangsa**.

Ia harus dibangunkan secara **seimbang dan kamil** serta diiktiraf sebagai **bangsa berbudaya tinggi, berkeperibadian unggul, berpegang pada nilai dan berfikiran maju** yang akhirnya mewujudkan keseimbangan dalam setiap aspek pembangunan negeri dan terbangun secara seimbang, lebih baik dan sejahtera.

CIRI-CIRI JOHOR BERKEMAJUAN




01

Semangat, pemikiran, nilai, sikap dan orientasi kita senantiasa menjurus kepada masa depan. *"It is all about the future"*. Berfikir ke hadapan, bersemangat ke hadapan, bercita-cita ke hadapan.



02

Semua usaha mesti terfokus untuk mewujudkan **kondisi dan persekitaran yang lebih baik dalam kehidupan material dan sisi rohani bangsa.**



03

Budaya dan pemikiran progresif harus berakar umbi dan menjadi gaya hidup Johor.



04

Apa jua yang kita rencanakan mesti melihat **perspektif global**. Pemikiran maju harus mengambil kira sorotan lensa global dan dalam lingkungan yang sangat bersifat antarabangsa.

INISIATIF JOHOR BERKEMAJUAN

01

PEMBANGUNAN INKLUSIF

- Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ)
- Skim Subsidi Pembinaan / Pembaikan Rumah
- Perumahan Penjawat Awam & Kakitangan Kerajaan
- Projek Perumahan Rakyat
- Skim Pembiayaan Rumah Mampu Milik Johor
- Sistem Permohonan Atas Talian RMMJ
- Perumahan untuk Asnaf & Golongan yang Memerlukan
- Penempatan & Penyelesaian Setinggan
- Penambahbaikan Berterusan Sistem Kebajikan Sosial Rakyat Johor



02

EKONOMI BERKESEJAHTERAAN

- Pelaksanaan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor
- Penubuhan Tabung Waqf Rakyat Johor
- Pelan Transformasi Central Business District (CBD) Johor Bahru
- Pelan Rejuvenasi Desa Johor
- Zon Antarabangsa bagi Koridor Pembangunan Selat Johor (KPSJ)
- Dasar Johor Prihatin
- Perkhidmatan Bas Awam Percuma
- Perkhidmatan Wi-Fi Hotspot Percuma



03

JOHOR LESTARI

- Dasar Kelestarian Johor
- Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim
- Masyarakat Rendah Karbon
- Pemeliharaan & Pemuliharaan Biodiversiti
- Tabung Amanah Hidupan Liar
- Program Johor Bersih & Lestari



04

KEUSAHAWANAN JOHOR

- Pelaksanaan Entrepreneur Development Centre (EDC)
- Kedai Harga Patut Muafakat Johor (imCoop)
- Koperasi Muafakat Bangsa Johor
- Pembangunan Usahawan Asnaf
- Pelan Tindakan Strategik Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Johor
- Insentif Merencanakan Keusahawanan
- Pembangunan Usahawan Belia Islam
- Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
- Kemudahan Usahawan Belia
- Usahawan Bumiputera
- Usahawan Luar Bandar



05

JOHOR BERKEMAHIRAN

- Hab Kemahiran Johor (*Johor Skill Hub*)
- Pelan Induk Pembangunan Kemahiran Johor
- Tabung Latihan Kemahiran Johor - RM10 juta
- Unit Swadaya Insan Negeri Johor
- Program Kembara Kerjaya
- Pinjaman Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor (YPJ)
- Program Bantuan Tuisyen YPJ
- Kampus Induk Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) di Bandar Akademi YPJ, Kota Tinggi
- Institut Integriti Kepimpinan & Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS)
- Program *Johor Talent* & Duta Jauhar
- Tabung Pendidikan Peringkat Sarjana
- Pembangunan Kapasiti Kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri



06

JOHOR YANG ISLAMI

- Transformasi Pendidikan Agama
- Pelan Strategik Pendidikan Islam Johor
- Penambahbaikan Berterusan Sistem Kutipan & Pengagihan Zakat oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)
- Festival Seni Muafakat Johor
- Festival Kesenian Islam Johor
- Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa
- Program Iqra' & Fardhu Ain (IQFA)
- Kenaikan Gaji Guru Sekolah Agama Johor
- Imbuhan Tahunan Guru KAFKA
- Tabung Amanah & Warisan Johor
- Pembangunan Golongan Mualaf



“ Jika gagasan ini kurang padu, kukuhkan ia. Jika kurang sempurna, baiki ia. Pokok pangkalnya, marilah melakukannya bersama-sama dalam setiap dasar, program dan gerak kerja agar ia selari dan terbudaya kerana inilah jalan terbaik untuk Johor dan masyarakatnya ”

- Dato' Mohamed Khaled Nordin

